



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SEPTEMBER 2025

KHUTBAH MAULIDURRASUL
5 SEPTEMBER 2025 / 12 RABI'UL AWWAL 1447H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الْقَائِلِ : وَمَا آتَيْنَاكُمْ إِلَّا رَحْمَةً لِلنَّعْلَمِينَ ﴿١٧﴾ قُلْ إِنَّمَا يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا

إِلَهٌ مِّنْ إِلَهٍ وَاحِدٍ فَهُنَّ أَنْتُمُ مُسْلِمُونَ ﴿٢٨﴾

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ.

اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ .

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللّٰهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Marilah kita bersyukur bersama-sama kerana masih dipanjangkan umur dalam nikmat Iman dan Islam. Hari ini, 12 Rabiulawal, merupakan hari yang istimewa kerana menurut sebahagian ahli sirah, pada tarikh inilah berlakunya peristiwa kelahiran Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam, kekasih dan junjungan besar kita di perkampungan Bani Hasyim, Makkah al-Mukarramah, pada pagi Isnin Tahun Gajah.

Dalam sepotong hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam bersabda yang bermaksud:

“Bondaku (Aminah) telah bermimpi melihat kelahiranku, dan telah keluar cahaya dari badannya ketika kelahiranku hingga menerangi istana-istana Kota Sham.”

Demikianlah hebatnya detik kelahiran Baginda Sallallahu Alaihi wa Sallam. Hingga akhirnya para ulama menjadikan bulan Rabiulawal sebagai bulan sambutan Maulid, untuk menyuburkan cinta dan kasih kepada Nabi Muhammad Sallallahu

Alaihi wa Sallam, selain berazam untuk terus mengikut sunnahnya. Tidak hairanlah sebahagian ulama turut memanggil bulan ini sebagai bulan ar-Rabi' al-Munawwar, yang bermaksud bulan Rabiulawal yang bercahaya.

Bagaimana mungkin seseorang menolak istimewanya bulan ini, sedangkan Allah Taala sendiri menganjurkan kita untuk bersyukur dengan nikmat anugerah terutusnya Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam kepada manusia akhir zaman, yang sudah ratusan tahun hidup dalam kegelapan akibat terputusnya wahyu. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah Ali Imran ayat 164:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
لَقَدْ مَنَّ اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا مِنْ أَنفُسِهِمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ
وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ

Yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah telah mengurniakan (*rahmatNya*) kepada orang yang beriman, setelah Dia mengutuskan dalam kalangan mereka seorang Rasul dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (*kandungan al-Quran* yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaan-Nya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajar mereka *Kitab Allah* (*al-Quran*) dan *hikmah* (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-

hukum syariat). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.”

Selain itu, dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam pernah ditanya mengapakah Baginda kerap berpuasa pada hari Isnin. Maka jawab Baginda, mafhumnya, “*Pada hari itulah aku dilahirkan dan wahyu diturunkan.*” Atas dasar inilah, para ulama menganjurkan umat Islam agar menjadikan sambutan Maulid sebagai penyubur cinta kita kepada Baginda Sallallahu Alaihi wa Sallam.

Bahkan Imam Sayuthi Rahimahullah dalam kitabnya al-Hawi lil Fatawa menyebut hadis riwayat Imam Baihaqi bahawasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi wa Sallam mengaqiqahkan dirinya walaupun telah sabit dalam riwayat lain, datuknya Abdul Mutalib telah mengaqiqahnya semasa umur 7 tahun. Beliau mengatakan hukum aqiqah tidak boleh diulang, justeru difahami aqiqah tersebut sebagai Baginda menzahirkan kesyukuran ke atas kelahiran Baginda sebagai rahmat ke seluruh alam.

Menurut Imam Sayuthi Rahimahullah lagi, perayaan maulid nabi mula dianjurkan secara besar-besaran pada awal kurun ketujuh Hijrah oleh Raja al-Muzhaffar Abu Said Kukbari (الْمُظَفَّرُ أَبُو سَعِيدٍ كُوكَبَرِي) yang wafat pada tahun 630

Hijrah pada Zaman Ayyubiah yang berpusat di Iraq. Beliau merupakan salah seorang pemerintah yang bijaksana dan dermawan.

Sambutan seumpama ini adalah gambaran cinta umat Baginda ke atas Nabi Sallallahu Alaihi wa Sallam yang merupakan syarat kesempurnaan iman. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, Nabi Sallallahu Alaihi wa Sallam bersabda:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ، حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ

Yang bermaksud: “*Tidak sempurna iman seseorang kamu sehingga Aku lebih disayanginya melebihi kedua ibu-bapanya, anak-anaknya dan manusia keseluruhannya*”.

Sidang Jumaat yang dimuliakan,

Allah Taala mengutuskan para Nabi Alaihimussolatu wassalam kepada setiap umat manusia, dengan tujuan yang sama, iaitu membawa hidayah dari Allah Taala, mendidik manusia dengan akidah yang benar. Allah Taala banyak menurunkan mukjizat luar biasa kepada para nabi yang terdahulu bagi membuktikan kenabian mereka di hadapan kaum masing-masing. Mereka biasa melihat perkara “*khawariq al-‘adah*” (perkara yang mencarik adat) tatkala Nabi mereka ditentang oleh musuh pada zamannya.

Walaupun Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam turut dikurniakan mukjizat bersifat luar biasa tetapi kehebatan yang terbesar ialah baginda dikurniakan Al-Quran yang merupakan mukjizat paling agung, dan kekal sebagai hidayah dan petunjuk kepada umat manusia sehingga ke hari ini.

Maka tidak hairanlah kedatangan Baginda menjadi saat yang dinantikan oleh makhluk di langit dan di bumi, hatta termasuklah nabi-nabi sebelumnya. Dalam Surah al-Saf ayat ke-6, Allah Taala merakamkan bagaimana Nabi Isa Alaihissalam sendiri amat teruja untuk membawa berita gembira kedatangan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam selepas zamannya kelak. Firman Allah Taala yang bermaksud: "*Dan (ingatlah juga peristiwa) ketika Nabi Isa ibni Maryam berkata: "Wahai Bani Israil, sesungguhnya aku ini pesuruh Allah kepada kamu, mengesahkan kebenaran Kitab yang diturunkan sebelumku, iaitu Kitab Taurat, dan memberikan berita gembira dengan kedatangan seorang Rasul yang akan datang kemudian daripadaku - bernama: Ahmad". Maka ketika ia datang kepada mereka membawa keterangan-keterangan yang jelas nyata, mereka berkata: "Ini ialah sihir yang jelas nyata!"*"

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Ta'ala,

Bersempena dengan bulan maulid ini, marilah kita bersama-sama untuk:

1. Meningkatkan keazaman mengikuti semua sunnah peninggalan Baginda, baik daripada akidah, syariat, akhlak dan penampilan.
2. Mengulang kaji dan menghadiri majlis ilmu mengenai hadis-hadis, sirah perjuangan dan keperibadian Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam, menerusi kitab seperti Syama'il Muhammadiyah serta melazimi kehidupan kita dengan berselawat ke atas Nabi Sallallahu Alaihi wa Sallam .
3. Berusaha bersungguh-sungguh menyambung perjuangan Baginda untuk membawa kesejahteraan hidup manusia di dunia dan akhirat. Bayangkan, andai Nabi ada bersama kita sekarang, melihat perpecahan dan nasib umat Islam di Gaza Palestin yang sedang dibiarkan kelaparan oleh rejim Zionis, sedangkan dunia Islam hanya mampu memerhatikan sahaja. Mungkin kelu lidah kita, tidak mampu bersuara di hadapan Baginda.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحْبِّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحِبِّنِكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.